

Tragedi henti di lorong kecemasan LPT2

» 4 rentung, 2 cedera ketika dalam perjalanan hadiri konvokesyen

Oleh Rosli Ilham
bhkt@bh.com.my

Dungun

Empat sekeluarga termasuk dua budak rentung, manakala dua lagi cedera selepas kereta dinaiki mereka terbakar akibat rempuhan lori kargo dalam nahas di Kilometer 386.6 Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) di sini, petang semalam.

Sebelum nahas jam 4.30 petang itu, kereta dipandu Ahmad Razi Harun dikatakan berhenti di lorong kecemasan akibat kerosakan, sebelum sebuah lori berkapasiti 16 tan, merempuhnyanya dari belakang dan menyeretnya sejauh 70 meter.

Rempuhan menyebabkan empat mangsa terperangkap dalam remukan kereta ketika ia terbakar sehingga mengorbankan Ahmad Razi, 53; menantunya, Da-

yang Suhana, 23; anak saudara, Umar Rayyan Suhaimi, 6, dan cucu, Nur Damia Irdiha Rosailan, 12 bulan.

Kakak ipar Ahmad, Hafshah Wangai, 56, cedera parah di kepala, manakala isterinya, Shari-fah Wangai, 49, cedera apabila tercampak akibat rempuhan itu kerana kedua-dua wanita itu berada di luar kereta. Mereka kini dalam rawatan di Hospital Hulu Terengganu (HUT).

Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Deputy Superintendent Hussin Deraman, berkata siasatan awal mendapati ketika kejadian, pemandu kereta berkenaan menghentikan kenderaannya di laluan kecemasan kerana mengalami kerosakan.

"Dua dewasa dan dua kanakkanak menjadi korban nahas ini. Keluarga mangsa dilaporkan dalam perjalanan dari Kadok, Kota Bharu, untuk menghadiri majlis konvokesyen di Politeknik Muad-

INFO

Lokasi kemalangan maut di Km 386.6 Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2



Pemandu dan tiga penumpang maut

Ke Bukit Besi

Dua mangsa di luar kereta cedera tercampak

3 Kereta terbakar selepas rempuhan dan diseret sejauh 70 meter

2 Merempuh belakang kereta yang berhenti di lorong kecemasan

1 Lori datang dari arah Kuala Terengganu menuju ke Johor Bahru

Dari Ajil

zam Shah, Pahang.

Orang ramai gagal bantu

"Lori tanpa muatan itu pula dari Kuala Terengganu ke Johor Bahru. Susulan kejadian, pemandu lori berusia 35 tahun, beralamat di Labis, Johor, kini ditahan polis untuk siasatan lanjut. Mayat mangsa yang rentung turut dihantar ke HUT untuk bedah siasat," katanya.

Sementara itu, Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat

"
Keluarga mangsa dalam perjalanan dari Kadok, Kota Bharu untuk hadiri majlis konvokesyen di Politeknik Muadzam Shah"

Hussin Deraman,
Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu

Hulu Terengganu, Mohd Zamri Omar, berkata 10 anggotanya dikejarkan ke lokasi sebaik menerima maklumat.

Beliau berkata, kebakaran itu menyebabkan seluruh kereta mangsa musnah, manakala lori terbabit terbakar kira-kira 70 peratus.

"Orang ramai yang cuba membantu mengeluarkan mangsa gagal berikutan api yang marak dan semua mangsa tersepit di tempat duduk masing-masing," katanya.